

Sukuk Ijarah Al-‘Aqar Capital dapat penarafan

KUALA LUMPUR 26 Dis. – Program Sukuk Ijarah Al-‘Aqar Capital Sdn. Bhd. berjumlah RM300 juta telah mendapat penarafan muktamadnya oleh RAM Rating Services Sdn. Bhd.

Dalam satu kenyataan di sini, RAM Ratings berkata, ia telah memberi penarafannya AAA masing-masing kepada program Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN), Kelas A RM165 juta, AA2 kepada IMTN Kelas B RM30 juta, AAA(bg) kepada IMTN Kelas C dan P1 kepada Kertas Komersil Islam RM15 juta.

Al-‘Aqar Capital, adalah perantara tujuan khas dimiliki sepenuhnya oleh Al-‘Aqar KPJ REIT, di mana saham Al-‘Aqar Capital dipegang oleh Amanah Raya Bhd. bagi pihak KPJ REIT.

Di bawah program itu, Al-‘Aqar Capital akan memperoleh kepentingan berfaedah dalam enam hospital iaitu Hospital Pakar Ampang Puteri, Hospital Pakar Damansara, Hospital Pakar Johor, Hospital Pakar Ipoh, Pusat Perubatan Selangor dan Hospital Pakar Puteri daripada REIT Trustee.

Selepas pembelian itu, Al-‘Aqar Capital akan memeterai perjanjian Ijarah (pajakan) dengan REIT Trustee, dengan tempoh pajakan tertentu dan pembayaran yang akan digunakan untuk mengagihkan pulangan kepada pelabur Sukuk Ijarah.

Penebusan Sukuk Ijarah itu dijangka dilunaskan melalui tanggungan pembelian oleh REIT Trustee untuk membeli semula enam hospital itu sebaik matang atau melalui pelupusan di pasaran terbuka.

Al-‘Aqar REIT kemudian akan menggunakan perolehan jualan itu untuk membiayai semula pinjaman sedia adanya dan memiliki lima lagi hospital daripada KPJ Healthcare Bhd. yang terdiri daripada Pusat Perubatan Kedah, Hospital Pakar Perdana, Hospital Pakar KPJ Kajang, Pusat Perubatan Sentosa dan Hospital Pakar Kuantan.

– Bernama